

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan:
Duta Sosial & Kebajikan**
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara
PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai:
Dari Segamat ke England**
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets
Online Databases**
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR



PAMERAN PROGRAM BIBLIOTERAPI – TERAPI MINDA MELALUI BUKU 20-21 JANUARI 2022

Disediakan oleh: Mohd Zahiddi Mohd Ali

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

PROGRAM BIBLIOTERAPI

Terapi Minda Melalui Buku

19 - 21 JANUARI 2022
(9.00 PAGI - 4.00 PETANG)

WEBINAR: TERAPI MINDA MELALUI BUKU
PENCERAMAH: PUAN RAFIDAH ABDUL AZIZ
(PRESIDEN PERSATUAN BIBLIOTERAPI MALAYSIA)

19 JANUARI 2022
10.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI
WEBEX CISCO MEETING

PAMERAN BUKU BIBLIOTERAPI & AKTIVITI
20-21 JANUARI 2022
9.00 PAGI - 4.00 PETANG
MEDAN MAKAN TIGA PERSUKUAN

Logos: THE, Green Metric, Premier Digital Tech University, MyRA, UiTM, PTAR, LibraryForAll, READ @ UiTM, facebook

Pada 20 dan 21 Januari 2022 / 17 dan 18 Jamadilakhir 1443H (Khamis dan Jumaat), PTAR Kampus Seremban telah mengadakan pameran bagi Program Biblioterapi – Terapi Minda Melalui Buku di Medan Makan Tiga Persukuan UiTM Kampus Seremban.

Pameran ini diadakan bagi memperkenalkan 'biblioterapi' dan mempamerkan bahan biblioterapi kepada warga UiTM Negeri Sembilan tentang bagaimana buku boleh digunakan sebagai bahan untuk terapi diri apabila mempunyai masalah. Terapi ini boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja apabila diperlukan terutama sekali untuk tujuan mempertingkatkan lagi kualiti hidup. Aktiviti biblioterapi baik untuk kesihatan mental, mengurangkan tahap stres, merangsang kreativiti serta imaginasi, meneroka idea, merehatkan badan, meningkatkan komunikasi dan mendorong minda untuk berfikir positif.

Pameran ini dianjurkan di Medan Makan Tiga Persukuan UiTM Kampus Seremban selama dua hari bermula pada jam 11.00 pagi hingga 4.00 petang. Terdapat dua aktiviti yang disediakan iaitu 'Quiz PTAR' dan 'Let's Shelving'. Pelbagai hadiah menarik turut diberikan kepada pengunjung yang menyertai aktiviti. Mengikut rekod, seramai 112 orang pengunjung yang hadir. Sebanyak 31 buku dipamerkan dan 20 pinjaman buku berjaya dipinjam oleh pengunjung.

Diharapkan program ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua.

